

Kenapa Didikan Tidak Menjadi?

Disertakan oleh ad

'Menjadi'nya anak-anak tidak boleh dilihat dari aspek kemajuan akademik dan kerjayanya semata-mata. Kerana mungkin ada jauh lebih penting dan utama.

Kalau mendidik anak-anak boleh diibaratkan seperti menjahit pakaian, maka perkembangan diri anak-anak itu mestilah dilihat dari banyak sudut. Seperti kita menilai pakaian yang baru selesai dijahit dengan melihatnya dari pelbagai aspek, begitulah sepatutnya kita menilai hasil didikan kita terhadap anak-anak. Menjadi atau tidak menjadinya anak itu mestilah diukur dari neraca yang betul. Jika ukuran kejayaan akademik dan kerjaya hendak diambil kira umpamanya, ia hendaklah dikaitkan dengan kehendak memenuhi kayu ukur yang jauh lebih penting.

Ini bermakna, kejayaan akademik dan kerjaya tadi, walaupun sering diberi nilai mata yang tinggi oleh masyarakat hari ini, bukanlah ukuran yang mutlak dan muktamad. Kejayaan dalam akademik dan kerjaya hanya akan melengkapkan ukuran 'menjadi'nya seorang anak apabila ia dapat diserangkaikan dengan kejayaan-kejayaan dalam aspek yang lain.

Ini kerana, kejayaan dalam satu aspek itu saja bukan jaminan seseorang anak akan dapat di' manusia'kan atau me' manusia'kan dirinya untuk memenuhi segala tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana yang Allah kehendaki, iaitu sebagai hamba yang patuh kepada segala perintah-Nya dan selaku khalifah yang memanfaatkan segala kurniaan Allah pada dirinya untuk berbakti dengan sesama manusia mengikut luras-luras yang Dia tetapkan.

Kita ambil contoh peranan manusia sebagai khalifah. Untuk berbakti, manusia dibekalkan dengan ilmu, minat dan kepakaran dalam bidang-bidang yang berlainan. Allah mengatur demikian supaya manusia dapat saling lengkap-melengkapi dan bantu-membantu. Oleh itu, walaupun andainya seseorang anak tidak dapat dipupuk minat dan kecemerlangannya dalam akademik, mungkin anak itu dapat disalurkan minat dan kecemerlangannya dalam bidang kemahiran atau kerja tangan. Di situ dia dapat menumpahkan kepakarannya dan baktinya hingga orang lain dapat merasai manfaatnya secara sedar atau tidak.

Paling utama, setiap orang anak harus dipupuk harga dirinya agar merasai dirinya diperlukan dan tetap penting walaupun bidang kerjayanya kelak mungkin hanya dianggap kerjaya kelas bawahan. Kerana hakikatnya, semua bidang kerjaya adalah mulia dan penting selagi kerja dibuat dengan niat ikhlas, tidak melibatkan pelanggaran syariat dan dapat memberi manfaat kepada manusia lain. Pendek kata, dalam memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah, manusia bebas memilih bidang apa pun yang diminatinya asalkan menjamin rezeki yang halal buat diri dan keluarganya.

Walaupun ibu bapa boleh membantu memupuk minat anak-anak sedari kecilnya, tetapi kadang-kadang minat dan kecenderungan sebenar anak-anak tidak dapat diduga. Jika seseorang anak dapat dilengkapi dengan ilmu dan didikan hingga akhirnya mampu memilih bidang kerjaya yang membolehkan dia berbakti kepada orang lain, menjamin rezeki yang halal dan memudahkan dia melaksanakan perintah-perintah Allah yang asas, anak itu boleh dianggap 'menjadi' dalam satu aspek iaitu selaku khalifah Allah.

Namun, anak itu hanya boleh dikira benar-benar 'menjadi' jika sifat dan jiwa kehambaan-Nya dapat disubur serta dipupuk hingga menyerlah pada akhlak dan peribadinya. Sebagaimana kemuliaan dan kecemerlangan para Sahabat dapat dilihat pada akhlak serta peribadi mereka hasil didikan Rasulullah s.a.w., begitulah kemuliaan dan kecemerlangan anak-anak yang dapat diukur pada akhlak dan peribadinya hasil didikan ibu bapanya.

Tahu bersyukur, penyabar, pemurah, berlapang dada, pemaaf dan lain-lain ciri akhlak mulia dapat dilihat pada diri anak-anak yang 'menjadi'. Taat kepada Allah, Rasul dan ibu bapa, selalu mendoakan kedua-dua ibu bapanya, patuh kepada guru-guru, hormat kepada orang yang lebih tua dan penyayang kepada orang yang lebih muda, adalah antara ciri-ciri akhlak terpuji yang dapat dikesan pada diri mereka.

Dengan kata lain, anak-anak dikira menjadi jika dapat diperbetulkan matlamat dan haluan hidupnya sebagai hamba dan khalifah Allah, serta diberi ilmu, latihan dan didikan yang secukupnya hingga terbentuk akhlaknya menjadi sebaik-baik hamba. Mulia akhlaknya terhadap sesama manusia dan terserlah sifat kehambaannya terhadap Allah.

Namun, andainya anak-anak tidak menjadi dan gagal dibentuk mengikut apa yang diharapkan, tibalah masa untuk menyemak dan koreksi diri. Seperti menjahit pakaian, jika pakaian yang dijahit tidak berapa betul jahitannya – mungkin terlebih atau terkurang di mana-mana bahagian – maka semaklah balik ukuran dan guntingannya. Mungkin juga ada yang tidak kena pada mesin jahitan atau belum mencukupi ilmu dan kemahiran. (Koleksi ANIS)